

09/04/2002

Pandangan PM dapat perhatian dunia

KUALA LUMPUR, Isnin - Pandangan dan pendirian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap isu keganasan, globalisasi dan cukai infrastruktur mendapat maklum balas positif pemimpin dunia yang menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada 2 hingga 5 Februari lalu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata Dr Mahathir dalam beberapa siri ucapannya, menegaskan Malaysia menentang sebarang bentuk keganasan dan keperluan masyarakat dunia mengenal pasti dan menangani punca keganasan.

Katanya, Perdana Menteri juga membidas tanggapan salah masyarakat dunia terhadap Islam kerana cuba mencerminkan agama itu menggalakkan penganutnya melakukan keganasan.

"Pada keseluruhannya, pandangan dan ulasan Perdana Menteri disambut baik oleh semua pihak yang mana," katanya di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Haji Omar (BN-Larut) mengenai sejauh mana kejayaan yang diperoleh negara hasil penyertaan Perdana Menteri dalam WEF di New York.

Sementara itu, ketika menjawab soalan yang dikemukakan Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju), sama ada berlaku kesukaran dan diskriminasi terhadap rakyat Malaysia memasuki negara Barat, Syed Hamid berkata, kerajaan tidak mempunyai bukti jelas mengenai perkara itu.

"Walaupun ada rakyat Malaysia mendakwa tidak dibenarkan masuk dan diberi layanan buruk pihak berkuasa di lapangan terbang di Amerika, kes seperti ini adalah terpercil.

"Ini kerana bilangan mereka yang terbabit adalah kecil jika dibandingkan bilangan rakyat Malaysia melawat negara itu atau negara Barat lain yang tidak mengalami masalah," katanya.

Syed Hamid bagaimanapun tidak menafikan, sejak kejadian serangan 11 September 2002 (Amerika Syarikat) langkah pihak berkuasa di kebanyakan negara memperketatkan kawalan keluar masuk warga asing, menyukarkan rakyat Malaysia keluar masuk ke negara terbabit.

Menjawab soalan tambahan yang dikemukakan Datuk Kamaruddin Jaafar (Pas-Tumpat), Syed Hamid berkata, pandangan Perdana Menteri mengenai takrif penganas tidak ditolak pada sesi khas Menteri-menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan minggu lalu.

Sebaliknya, Syed Hamid berkata, persidangan itu berjaya menonjolkan Malaysia sebagai negara yang menyokong secara terbuka perjuangan rakyat Palestin menentang keganasan Israel.

"Pandangan Perdana Menteri tidak ditolak kerana persidangan itu bukan hanya menumpukan mengenai takrif atau makna keganasan kerana ia sudah dijelaskan pada sidang OIC 1994 dan 1999.

"Pandangan segar Dr Mahathir mendapat perhatian perwakilan kerana menunjukkan Malaysia menyokong secara terbuka perjuangan Palestin menentang keganasan Israel," katanya.

(END)